

**BAGAIMANA MENIKMATI TOL PERCUMA SEMPENA PERAYAAN DEEPAVALI DI RANGKAIAN LEBUH RAYA PLUS DAN LPT2**

- Bermula 12:01 pagi, 11 November (Sabtu) hingga 11:59 malam, 12 November (Ahad)
- Pengguna lebuhraya masih perlu menyentuh kad Touch 'n Go, melakukan transaksi SmartTAG atau RFID di plaza tol untuk rekod perjalanan, **namun tiada bayaran tol akan dikenakan**

**Petaling Jaya, 10 November 2023:-** PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menyambut baik keputusan Kerajaan berhubung pemberian tol percuma kepada rakyat yang menggunakan perkhidmatan rangkaian Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) bagi semua kelas kenderaan yang bermula 12:01 pagi, 11 November (Sabtu) hingga 11:59 malam, 12 November (Ahad) bersempena dengan sambutan perayaan Deepavali sepertimana yang diumumkan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, hari ini.

**Nikmati TOL PERCUMA SEMPENA SAMBUTAN HARI DEEPAVALI DI LEBUHRAYA PLUS**

**Tempoh**  
Bermula 12:01 pagi, 11 November (Sabtu) hingga 11:59 malam, 12 November (Ahad)

**Siapa?**  
Untuk SEMUA JENIS KENDERAAN

**Di mana?**  
Ditawarkan di semua lebuhraya kendalian PLUS kecuali di Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar (di Tambak Johor) dan Plaza Tol Tanjung Kupang (di Linkedua)

**Bagaimana untuk menikmati Tol Percuma?**  
Pengguna akan menikmati Tol Percuma ketika melalui plaza tol keluar sepanjang tempoh tersebut.

**Bagi pengguna Touch 'n Go**  
Pastikan masuk & keluar guna lorong Touch 'n Go seperti biasa.  
Sentuh kad Touch 'n Go di lorong tol untuk rekod perjalanan.  
Sila periksa status kad Touch 'n Go dengan Touch 'n Go Sdn Bhd untuk pastikan kad Touch 'n Go masih aktif dan tidak luput tarikh.

**Bagi pengguna SmartTAG**  
Pastikan masuk dan keluar guna lorong SmartTAG seperti biasa.  
Pastikan kad Touch 'n Go dimasukkan ke dalam peranti SmartTAG.  
Pastikan peranti SmartTAG mempunyai bateri.

**Bagi pengguna RFID**  
Pastikan masuk dan keluar guna lorong RFID seperti biasa untuk rekod perjalanan.

**TIADA BAYARAN TOL** akan dikenakan atau ditolak daripada baki kad Touch 'n Go atau e-Wallet.

**Selamat Hari Deepavali**

Ikuti kami di media sosial



www.plus.com.my | PLUSLine 1800-88-0000 | Aplikasi PLUS App | Chatbot PUTRI

Menurut Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, “Semasa pemberian tol percuma selama 2 hari ia dilaksanakan, pengguna lebuhraya dapat menikmati faedah tersebut di 92 plaza tol sepanjang lebuhraya kendalian PLUS dan juga di 10 plaza tol di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2). Walau bagaimanapun, pemberian tol percuma **tidak ditawarkan** di plaza tol lebuhraya di sempadan negara iaitu di Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar (di Tambak Johor) dan Plaza Tol Tanjung Kupang (di Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura - Linkedua).”



## Nikmati TOL PERCUMA

SEMPENA SAMBUTAN HARI DEEPAVALI DI LEBUHRAYA LPT2

 **Tempoh**

Bermula **12:01** pagi,  
**11 November (Sabtu)** hingga  
**11:59** malam, **12 November**  
**(Ahad)**

 **Siapa?**

Untuk  
**SEMUA JENIS  
KENDERAAN**

 **Bagaimana untuk menikmati Tol Percuma?**

Pengguna akan menikmati  
Tol Percuma ketika **melalui plaza tol keluar**  
sepanjang tempoh tersebut.

 **Bagi pengguna Touch 'n Go**



- ✔ Pastikan masuk & keluar guna lorong Touch 'n Go seperti biasa.
- ✔ Sentuh kad Touch 'n Go di lorong tol untuk rekod perjalanan.
- ✔ Sila periksa status kad Touch 'n Go dengan Touch 'n Go Sdn Bhd untuk pastikan kad Touch 'n Go masih aktif dan tidak luput tarikh.

 **Bagi pengguna SmartTAG**



- ✔ Pastikan masuk dan keluar guna lorong SmartTAG seperti biasa.
- ✔ Pastikan kad Touch 'n Go dimasukkan ke dalam peranti SmartTAG.
- ✔ Pastikan peranti SmartTAG mempunyai bateri.

Selamat Hari Deepavali

Ikuti kami di media sosial



[www.lpt2.com.my](http://www.lpt2.com.my)  LPT2Line 1800-88-0220



Pemberian Tol Percuma selama 2 hari tersebut boleh dinikmati oleh semua kelas kenderaan di rangkaian Lebuhraya PLUS dan di LPT2 seperti berikut:-

- 1) Sekiranya pengguna lebuhraya memilih untuk menggunakan kad Touch 'n Go atau SmartTAG, mereka masih perlu **menyentuh kad Touch 'n Go** atau menggunakannya bersama peranti SmartTAG mereka di lorong tol di plaza tol untuk rekod perjalanan.

**Namun begitu, tiada bayaran tol akan dikenakan atau ditolak daripada kad Touch 'n Go tersebut.**

- 2) Sekiranya pengguna lebuhraya memilih untuk menggunakan RFID, mereka perlu **masuk dan keluar dari lebuhraya menggunakan lorong RFID** yang disediakan. Sepertimana kad Touch 'n Go dan SmartTAG, tiada bayaran tol dikenakan atau ditolak daripada eWallet Touch 'n Go mereka.
- 3) Pengguna lebuhraya di plaza tol sistem tertutup akan menikmati tol percuma **ketika melalui plaza tol keluar** sepanjang tempoh yang ditetapkan.
- 4) Bagi pengguna kad Touch 'n Go, mereka dinasihatkan supaya **memeriksa status kad Touch 'n Go** sebelum perjalanan mereka dengan Touch 'n Go Sdn Bhd. Ini adalah bagi mengelakkan kesesakan di plaza tol jika terdapat pengguna menggunakan kad Touch 'n Go yang tidak aktif dan telah dinyahaktif.

Kepada orang ramai yang ingin bergerak masa hari-hari puncak, terutamanya pada 2 hari tersebut, PLUS menasihatkan orang ramai supaya mengikuti jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) yang telah dikeluarkan oleh PLUS sebelum ini. Rancang perjalanan anda dengan teliti untuk mengurangkan kesesakan, pastikan kenderaan berada dalam keadaan baik dan mendapat rehat secukupnya sebelum memulakan perjalanan.

Pengguna lebuhraya boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Aplikasi X @PLUSTrafik, Aplikasi PLUS, Chatbot PUTRI, papan tanda elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih serta mengikuti laporan trafik terkini menerusi siaran-siaran radio utama negara serta menyarankan penggunaan Aplikasi Waze atau Google Maps semasa pemanduan untuk mendapatkan status trafik terkini sepanjang musim perayaan ini.

-TAMAT-